



Kongsi ilmu pertanian berasaskan hidroponik

INSTITUT Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan (ITAFoS) Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan program Cakna Warga Emas: Dari Putra ke Bonda bagi berkongsi ilmu dalam bidang pertanian

berasaskan penanaman hidroponik dan tanaman hiasan di Pusat Jagaan Dan Pendidikan Warga Emas Darul Insyirah, Bandar Baru Bangi, Selangor, baru-baru ini.

Penganjuran program itu

untuk membantu warga emas di pusat jagaan berkenaan melakukan aktiviti penanaman menerusi kaedah yang betul dan mengisi masa lapang mereka dengan aktiviti berfaedah serta bermanfaat.

Penghuni pusat jagaan itu mendapat ilmu dan tunjuk ajar secara terus tentang kaedah-kaedah penanaman pokok yang bersesuaian dengan persekitaran kawasan.

■ PESERTA program Cakna Warga Emas: Dari Putra ke Bonda merakam gambar kenangan di Pusat Jagaan Dan Pendidikan Warga Emas Darul Insyirah, Bandar Baru Bangi, Selangor, baru-baru ini.